



جائزہ حکام شرعیہ مالسیا

KETUA PENGARAH /KETUA HAKIM SYARIE
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
Aras 2,3 & 4, Blok D7, Parcel D,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62677 PUTRAJAYA

Tel : 03-8886 4800
03-8886 4888
Faks : 03-8889 1621
email : ibrahim@esyariah.gov.my
Laman Web : www.jksm.gov.my

Ruj. Kami : JKSM.600-1/2/4(18)
Tarikh : 7 Rabiulawwal 1436H/
29 Disember 2014

**YAA Ketua-Ketua Hakim Syarie,
Mahkamah-mahkamah Syariah Negeri-negeri**

**Arahan Amalan No.7 Tahun 2014
Peraturan Semakan Kes Di Mahkamah Tinggi Syariah Atau
Di Mahkamah Rayuan Syariah**

Saya ingin menarik perhatian YAA kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Arahan Amalan Tahun 2014 pada 3 hingga 4 Muharam 1436H bersamaan 27 hingga 29 Oktober 2014 telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai Arahan Amalan berhubung dengan peraturan semakan kes di Mahkamah Tinggi Syariah atau di Mahkamah Rayuan Syariah hendaklah mengikut peraturan seperti berikut:-

1. Permohonan semakan boleh dibuat ke atas kes mal atau jenayah sama ada kes yang dalam prosiding atau yang telah diputuskan ;
2. Permohonan semakan kes oleh pihak-pihak hendaklah dibuat melalui Notis Permohonan bersama dengan Afidavit kecuali permohonan oleh Hakim Syarie ;
3. Senarai kriteria (bentuk-bentuk) kes yang boleh dibuat melalui permohonan semakan adalah :

- i. Perintah/Penghakiman/Keputusan yang didapati bercanggah dengan nas al-Quran/al-Sunnah/Ijma' atau Qias seperti tempoh iddah tiga kali suci ketika isteri mengandung, yang sepatutnya hingga melahirkan anak.
 - ii. Perintah/Penghakiman/Keputusan yang didapati bercanggah dengan peruntukan undang-undang sedia ada seperti menjatuhkan hukuman penjara melebihi tempoh yang ditetapkan oleh akta/enakmen kesalahan jenayah Syariah.
 - iii. Kesilapan/Kekhilafan oleh Hakim Bicara yang bersifat teknikal seperti kesilapan penulisan atau catatan bicara, kesilapan membuat rujukan prosedur dan undang-undang keterangan seperti perintah penyampaian gantian secara iklan dilaksanakan oleh pihak defendan.
 - iv. Apabila hukuman yang diputuskan oleh seseorang Hakim Syarie semata-mata berdasarkan pengetahuannya mengenai fakta kes tersebut tanpa sebarang bukti yang lain, kemudian ternyata bahawa perkara tersebut tidak jelas.
 - v. Apabila ternyata kepada pihak Hakim Syarie mengenai kesilapan yang berlakunya disebabkan keterangan atau pengakuan yang diberi oleh kedua belah pihak.
4. Jika kes telah diputuskan atau keputusan akhir suatu isu yang berbangkit di dalam prosiding pendengaran kes telah dibuat (lazimnya melalui prosiding interlokutori atau bantahan), proses rayuan hendaklah digunapakai.

5. Jika kes telah diputuskan, dibangkitkan persoalan telah berlaku kecacatan dalam proses perbicaraan atau keputusan hakim bicara secara material bercanggah dengan undang-undang atau hukum syarak, maka proses semakan boleh dilaksanakan.
6. Jika kes belum diputuskan, isu yang berbangkit adalah berkaitan tatacara pengurusan kes, tatacara prosiding perbicaraan ataupun isu-isu melibatkan tatacara berkaitan keterangan, proses semakan boleh dilaksanakan.
7. Sesuatu keputusan terhadap permohonan interim boleh disemak jika berkaitan isu-isu sebagaimana di dalam perenggan (5).
8. Semakan oleh Hakim Bicara apabila menyedari telah melakukan kekhilafan dalam prosiding kes yang dikendalikan atau keputusan yang telah dikeluarkan.
9. Arahan semakan oleh Mahkamah Atasan terhadap kes di Mahkamah Bawahan.
10. Keputusan/Perintah oleh Mahkamah Rayuan Syariah tidak boleh disemak oleh Mahkamah yang sama atau Panel Rayuan Syariah yang berlainan kerana tidak ada bidangkuasa. Rujukan boleh dilihat sebagaimana yang diputuskan di dalam kes Siti Nurhayati binti Mohd Daud lwn. Wan Shahrman bin Wan Suleiman dan seorang lagi [1434] JH 36 BHG. 2 hlm. 84- 96 dan Wan Khairani binti Mahmood lwn Ismail bin Mohamad [1434] JH 36 BHG. 2 hlm. 140-149.
11. Permohonan semakan hendaklah dibuat dalam tempoh 30 hari dari tarikh keputusan kecuali dibenarkan oleh Mahkamah yang lebih tinggi.

2. Arahan Amalan No.13 Tahun 2003 adalah dibatalkan.

Arahan Amalan ini berkuat kuasa mulai 31 Disember 2014.

A handwritten signature in black ink, consisting of a stylized initial 'I' followed by a horizontal line that ends in an arrowhead pointing to the right.

(TAN SRI DR. IBRAHIM LEMBUT)